



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4  
Tarikh : 20 Februari 2026

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2026**

Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Pascasiswazah)  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pegawai Tadbir (Pengajian Pascasiswazah)  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELANJUTAN PENGHANTARAN TESIS/DISERTASI BAGI PELAJAR MOD PENYELIDIKAN DAN CAMPURAN BAGI SEMESTER 1, SESI AKADEMIK 2025/2026**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, tarikh akhir penghantaran tesis/disertasi untuk tujuan pemeriksaan adalah pada atau sebelum 23 Februari 2026 (Isnin) sebagaimana yang dinyatakan dalam Kalendar Akademik Program Pascasiswazah Semester 1, Sesi Akademik 2025/2026. Pelajar yang menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh tersebut tidak akan dikenakan yuran pengajian bagi Semester 2, Sesi Akademik 2025/2026.

3. Walau bagaimanapun, mengambil kira tempoh kemasukan gred/penilaian Laporan Kemajuan Calon (LKC) yang berakhir pada 22 Februari 2026, serta kekangan masa penyelia untuk membuat semakan tesis/disertasi yang diserahkan pada 23 Februari 2026, pihak Universiti telah bersetuju untuk melanjutkan tarikh akhir penghantaran tesis/disertasi kepada 2 Mac 2026 (Isnin).

...2/-




4. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Unit Kewangan Pelajar (UKP) hanya mempunyai tempoh lima (5) hari bekerja, iaitu dari 2 Mac hingga 9 Mac 2026 (tidak termasuk Sabtu dan Ahad), untuk melaksanakan proses pelarasan yuran bagi pelajar yang telah menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh yang ditetapkan. Untuk makluman, 9 Mac 2026 merupakan tarikh bermulanya Semester 2, Sesi Akademik 2025/2026, dan sebarang pelarasan yuran perlu diselesaikan sebelum tarikh tersebut. Oleh yang demikian, mohon kerjasama pihak Fakulti/Institut untuk mengemas kini dengan segera senarai pelajar yang telah menyerahkan tesis/disertasi melalui pautan *Google Drive* yang telah disediakan oleh pihak UKP sebelum ini bagi memastikan proses pelarasan dapat dilaksanakan dengan teratur dan dalam tempoh yang ditetapkan.

5. YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya dengan memanjangkan pemakluman ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan di Pusat Tanggungjawab masing-masing. Pihak Fakulti/Institut juga bertanggungjawab untuk memastikan pemakluman ini disampaikan kepada pelajar yang terlibat.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



**PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Penasihat Undang-undang,  
Pejabat Penasihat Undang-undang
  - Ketua Pustakawan  
Perpustakaan UKM
  - Pengarah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Professional (UKMShape)
  - Pengarah,  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti UKM)

...3/-



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran UKM)
- Pengarah  
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
- Timbalan Pengarah (Governans Akademik)  
Pusat Pengurusan Akademik
- Ketua Bahagian Hasil,  
Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari

